

Manfaatkan pandangan Sheikh Al-Azhar menuju negara Madani

Oleh FITRI NIZAM

fitri.nizam@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pandangan dan usul Sheikh Al-Azhar, Profesor Dr. Ahmed Mohammed Al-Tayeb wajar dimanfaatkan rakyat Malaysia untuk mencapai cita-cita sebagai sebuah negara madani.

Antara lain Dr. Ahmed Mohammed mengusulkan supaya Malaysia mengambil langkah lebih positif dan berani menunjukkan akhlak Islam dalam menyantuni bukan Islam bukan hanya di dalam negara malah seluruh rantau Asia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Sheikh Al-Azhar itu juga menggesa beliau supaya bekerja lebih kuat dan bersungguh-sungguh menghimpunkan kekuatan bagi memastikan ada sikap lebih lunak, baik sangka, hormat menghormati dan saling kenal mengenali (lita'arafu) antara orang Islam dan bukan Islam di negara ini.

Katanya, pandangan lain dilontarkan Sheikh Al-Azhar adalah umat Islam mesti menguasai disiplin baharu dalam bidang teknologi.

"Ini (Sheikh Al-Azhar) salah satu alim yang memberi penekanan pendekatan kepada saya menerusi tembok-tembok ilmu baharu (untuk) meneroka alam pemikiran baharu termasuk digital, kecerdasan buatan (AI) dan beliau di antara pembuka mempelopori *World Future Summit* pada September ini di New York (Amerika Syarikat).

"Insha-Allah kita akan tunai amanat ini dengan sebaik mungkin," katanya semalam.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan majlis penganugerahan Ijazah Kehor-



TUNKU Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah kepada Dr. Ahmed Mohammed Al-Tayeb pada majlis Konvokesyen Khas Universiti Sains Islam Malaysia di Kuala Lumpur, semalam. Turut serta Anwar Ibrahim (kanan). - UTUSAN/M. FIRDAUS M. JOHARI

mat Doktor Falsafah Pengajian Quran dan Sunnah kepada Sheikh Al-Azhar.

Penganugerahan itu disempurnakan Pro Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhaudin Ibni Tuanku Muhriz.

Perdana Menteri berkata, langkah USIM memberikan pengiktirafan tertinggi kepada Sheikh Al-Azhar adalah keputusan bijak kerana beliau memberi sumbangan sangat besar pada dunia Islam termasuk di alam Melayu.

Katanya, Sheikh Al-Azhar juga menjadi benteng utama dalam mempertahankan akidah ilmu dan menanam semangat dan roh Islam ke dalam masyarakat.

"Sheikh Al-Azhar menyebut tentang kepincangan yang berlaku akibat daripada asakan pemikiran barat sama ada ideologi liberal yang menyimpang (daripada) landasan Islam.

"(Pada masa sama) beliau mengingatkan kita (tentang) bahaya sikap pelampau (dan) taksab yang menyebabkan perpecahan. Kita harapkan universiti utama seperti Al-Azhar dengan rangkaian sistem pendidikannya dalam negara (ini) dapat meneruskan usaha mempertahankan umat melalui gedung-gedung ilmu," katanya.

Kemarin, Anwar mengadakan pertemuan dengan Sheikh Al Azhar yang mengadakan lawatan ke Malaysia sebagai penghormatan besar kepada negara kerana menerima kun-

juangan seorang tokoh dan imam besar yang dihormati dan dimuliakan oleh dunia Islam.

Beliau berkata, Sheikh Al-Azhar, kini dalam rangka lawatan empat hari ke Malaysia sehingga hari ini, dikenali sebagai ketua ilmu yang telah memberikan sumbangan besar kepada dunia Islam sejak sekian lama.

Lawatan khas Sheikh Al-Azhar, yang berstatus Perdana Menteri berdasarkan Perlembagaan Mesir, merupakan detik bersejarah dalam hubungan dua hala antara Malaysia dan Mesir selain membuktikan pertalian erat dan kerjasama rapat antara kedua-dua negara dalam usaha membangunkan umat Islam yang progresif serta dinamik.